

15 JAN 2003

Jemput-Mahathir

NIK AZIZ HARAP DR MAHATHIR LAWAT MASALAH HAKISAN DI PANTAI SABAK

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Sempena lawatan kerja dua hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan bermula hari ini, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berharap Perdana Menteri dapat meninjau masalah hakisan di kawasan Pantai Sabak dekat sini yang telah memusnahkan ratusan rumah dan harta penduduk.

Katanya lawatan Perdana Menteri itu diharap dapat mempercepatkan penyaluran peruntukan RM40 juta yang dijanjikan oleh kerajaan pusat bagi membantu mengatasi masalah hakisan pantai yang teruk di kawasan itu.

"Sebuah masjid di situ telah dimasuki pasir (laut) manakala sebuah sekolah kebangsaan sedang menunggu masa (terhakis)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri hari ini.

Pantai Sabak yang merangkumi lima buah kampung nelayan iaitu Tanjung Kuala, Sabak Tengah, Kemeruk, Pantai Dasar dan Kampung Sabak dengan penduduk 1,500 orang, menghadapi masalah hakisan sejak 15 tahun lepas.

Nik Aziz berkata akibat tiada peruntukan khusus dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi tujuan mengatasi masalah itu, Jabatan Pengairan dan Saliran hanya mendapat peruntukan pendahuluan RM1.2 juta daripada Kementerian Pertanian untuk melantik syarikat perunding bagi menjalankan kajian di kawasan berkenaan.

Beliau berkata apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri ialah menyediakan penempatan baru kepada penduduk yang terlibat, dan setakat ini, tiga penempatan telah diwujudkan iaitu Blok A dan B di Kampung Pulau Gajah dan di Kampung Pantai Kemeruk di sini, membabitkan keseluruhannya 161 keluarga.

Kerajaan negeri sedang mencari kawasan penempatan baru bagi menempatkan ramai lagi penduduk yang kini menunggu masa untuk dipindahkan akibat hakisan musim tengkujuh baru-baru ini, katanya.

Ditanya arahan Dr Mahathir semalam supaya kerajaan negeri segeraewartakan undang-undang keluarga Islam bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya perundangan Islam yang tidak seragam, Nik Aziz berkata Kelantan bersetuju dan tiada sekatan untuk melaksanakannya.

--BERNAMA

BD RAR MAI